

THE TITAN

25 MAC 2022 | BIL: 01
www.richworks.com

Industry View



**KENAPA
PENTINGNYA
PENDIDIKAN
KEUSAHAWANAN?**

**4 PESAN
NAJIB
UNTUK
BERJAYA
DALAM
BISNES**

**NAJIB
ASADDOK**
**METAMORFOSIS DIRI
& PERNIAGAAN**

RICHWORKS™

Di Sini Lahirnya
Usahawan Jutawan



PROSES PERJALANAN ANAK KAMPUNG PONTIAN, JOHOR

Saya benci dengan orang kaya!

tulah persepsi Pengasas & Ketua Pegawai Eksekutif Momentum Internet suatu ketika dulu semasa di universiti kerana orang kaya tidak membantu orang susah seperti dirinya.

Najib Asaddok sebenarnya agak skeptikal dan benci dengan orang kaya, terutamanya mereka yang bergelar jutawan sebelum ini.

Bagaimanapun akhirnya, diri beliau sendiri menjadi Usahawan Jutawan malah melahirkan pula usahawan jutawan dan berjaya yang lain.

Beliau bukannya lahir sebagai ‘anak orang kaya’ dan sebab itu beliau mampu membuka perniagaan yang menguntungkan hasil daripada bantuan ibu bapanya!

Sama saja seperti orang lain yang menjalani hidup yang sederhana di masa kecilnya. Malah, beliau juga tidak berlatarbelakangkan ahli keluarga yang berniaga.

PERJALANAN HIDUP

Sejak Najib berusia 11 tahun, ayahnya telah meninggal dunia dan hanya ibunya yang selepas itu bekerja keras menyara beliau dan lima adik-beradiknya yang lain. Ibunya hanyalah seorang pekerja kilang yang meraih pendapatan di antara RM400 hingga RM500 sebulan.

Sebagai anak sulung, Najib berasa kasihan melihat ibunya berhempas-pulas mencari wang dan beliau berazam ingin mengubah nasib keluarga.

“Kalau ikutkan, masa sekolah sampai ke universiti dulu saya adalah seorang yang tak yakin dengan diri sendiri. Saya seorang yang penakut dan saya sentiasa rasa yang diri saya ini tak layak untuk berjaya.”

“Mana taknya, waktu tu mak saya cuma kerja kilang. Rumah kami pula hanyalah sebuah rumah kampung yang dah hampir nak roboh. Rumah tu ditinggalkan oleh atuk saya kepada mak saya yang merupakan seorang anak angkat berketurunan Cina,” jelasnya.

Latar belakang hidup keluarga yang serba kekurangan itulah yang membuatkan Najib tiada

“

SAYA SIMPAN SEMUA NOTA PROGRAM RICHWORKS SUPAYA SAYA SENTIASA SEDAR DIRI. SAYA TAKUT BILA SAYA SENANG NANTI, SAYA AKAN LUPA DIRI. ITU KETAKUTAN SAYA.”



NAJIB BERSAMA MENTOR USAHAWAN, DATUK WIRA DR AZIZAN OSMAN KETIKA MENERIMA KERETA LAMBORGHINI URUS BEBERAPA TAHUN LALU.



BILLBOARD MOMENTUM INTERNET KELIHATAN DI BEBERAPA LOKASI STRATEGIK DI NEGARA.

keyakinan diri, walaupun dalam masa yang sama, beliau mahu bertanggungjawab membantu meringankan kesusahan ibunya.

Sewaktu di universiti, Najib melakukan pelbagai perkara termasuk cuba berniaga, demi menambah pendapatan. Di waktu itu jugalah beliau sempat terlibat dengan Multi Level Marketing (MLM) dan mula belajar tentang sales. "Saya belajar cara menjual produk, cara bercakap di hadapan orang ramai dan banyak lagi. Pengalaman itulah yang mengajar dan membentuk karakter saya hari ini," tegasnya.

Sebabkan sibuk dengan menjalankan perniagaan, beliau melingkup dalam pelajarannya.

"Kegagalan dalam pelajaran bukan penentu nasib kita akan terus gagal selamanya. Tapi punca kegagalan adalah bila kita putus asa untuk menuntut ilmu hingga berjaya," ujarnya.

Ini telah dibuktikan sendiri oleh Najib selepas gagal menamatkan pelajaran, beliau sentiasa mencari jalan bagaimana beliau boleh perbaiki hidup dengan berniaga.

Kemudian pada tahun 2008, mula mencari apakah cara untuknya mendapatkan pendapatan yang stabil memandangkan beliau telah berumah tangga dan bakal memiliki anak sendiri.

"Masa tu saya start untuk cari benda apa yang saya boleh buat. Daripada buat trading offline saya cuba tukar kepada online. Nak dapatkan RM1,000 pertama tu sangat susah dan saya

struggle. Tak siapa tahu berapa kali saya menangis depan komputer," jelasnya.

Situasi itu juga membuatkan Najib tambah sukar untuk percaya dengan orang yang bergelar jutawan kerana pada beliau, untuk mendapatkan RM1,000 pun agak susah, apatah lagi untuk dapat berjuta ringgit.

"Masa tu kalau saya tengok cerita orang yang jutawan, dalam fikiran saya 'ye lah tu, membongak je lebih'.

"Macam tu la saya masa tu. Punya saya tak percaya pada mereka yang berjaya," kata Najib.

METAMORFOSIS DIRI & PERNIAGAAN

Bagaimanapun, selepas perniagaannya mula menunjukkan hasil, beliau mula terfikir untuk mencari orang yang boleh memberikan dorongan yang kuat untuknya terus maju dan sebab itulah beliau mula mencari mentor.

Beliau menyertai pelbagai program dan belajar daripada bermacam jenis mentor. Ada yang betul, ada yang salah dan ada juga yang ilmunya tidak memberi kesan langsung kepada diri dan perniagaannya.

Namun suatu hari pada 2012 tambah Najib, takdir Allah SWT memberinya peluang untuk belajar dengan Datuk Wira Dr. Azizan Osman yang telah menukar cara berfikir dan membimbangnya sehingga beliau berjaya menjadi jutawan.

Beliau merasakan hidupnya mula berubah dan beliau berjaya menggapai impianinya hasil daripada kerja keras, bimbingan yang diberikan oleh mentor serta dengan izin Allah SWT.

Hadir ke program RichWorks sejak 2012, Najib masih simpan setiap barang-barang yang diperoleh setiap kali menyertai program RichWorks. Bagi beliau itu adalah peringatan tentang bagaimana beliau bermula dahulu.

"Saya simpan semua nota program RichWorks supaya saya sentiasa sedar diri. Saya takut bila saya senang nanti, saya akan lupa diri. Itu ketakutan saya."

"Dulu saya hadir ke program hanya memandu kereta Kancil dan pernah diuji dengan kereta rosak dan pernah duduk hotel yang entah mananya, tapi saya yakin Dr Azizan adalah mentor yang boleh membantu saya," ujarnya.

Tambah Najib, ketika pertama kali ke program RichWorks, beliau hanya fikirkan mahu mencapai jualan sebanyak RM30 ribu sebulan. Itu pun dah cukup besar baginya!

Tapi ternyata beliau silap kerana apa yang diajar mentor bersama RichWorks bukan setakat macam mana nak buat sales lebih tinggi dalam bisnes tapi juga tentang nilai dalam hidup.

Ilmu ini berbeza dari ilmu bisnes yang boleh 'di Google' di internet dan pengajarannya tak sama dengan tempat lain..

Beliau yang juga merupakan ahli Titanium pertama dan paling lama ini sentiasa konsisten datang ke kelas dan belajar, fokus dan ikut apa saja yang diajar Dr Azizan.

Bagi beliau bermentor dengan Dr Azizan adalah pelajaran yang mahal kerana berada dalam kalangan ahli Titanium, beliau boleh nampak sesuatu peluang tanpa perlu mengeluarkan kos.

Dan atas nasihat mentor juga, beliau berjaya menamatkan pengajian MBA di Anglia Ruskin University demi menebus segulung ijazah yang diharapkan oleh ibunya.

Ketika ini Najib juga sedang sambung pengajian dalam Doctor Of Business Administration OUM.



PADA
TAHUN 2020,
SYARIKATNYA BERJAYA
MENCECAH JUALAN
BERNILAI RM21.1 JUTA
MANAKALA PADA
2021, NILAI JUALAN
SYARIKATNYA KEKAL
MEMBERANGSANGKAN
BERJUMLAH
RM19 JUTA.

RESULT DICAPAI

Paling menggembirakan buat Najib apabila beliau dapat membawa ibunya menunaikan haji dan menghadiahkannya sebuah kereta Volvo. Beliau juga turut menghadiahkan sebuah kereta Honda untuk ayah mertuanya.

Bukan itu saja, hari ini beliau mampu memiliki apa yang pernah diimpikannya suatu ketika dahulu. Jika dahulu beliau hanya memiliki sebuah kereta Kancil, hari ini beliau mampu memiliki sebuah Ferrari & Lamborghini, motosikal dan rumah idamannya.

Perniagaan beliau yang dulunya hanya dibantu oleh 2 orang staf sahaja tetapi sekarang sudah memiliki 88 staf dan nama Momentum Internet semakin dikenali.

Kepakaran Najib bersama team Momentum Internet ialah memberi tunjuk ajar dan bimbingan tentang ilmu pemasaran digital dan perniagaan dalam talian (online).



ANUGERAH YANG DITERIMA NAJIB ASADDOK

- Tanggal 23 Mac 2022, anak kampung dari Benut Pontian, Johor ini menerima Marketing - Outstanding Leadership Award dari Marketing 2.0 Conference di Intercontinental Dubai Festival City, UAE.

Pengiktirafan ini diterima di hadapan barisan CEO dan kepimpinan agensi marketing advertising dari seluruh dunia yang hadir sama. Bukan mudah nak menerima anugerah itu, penerima perlu melalui menghantar maklumat diri & syarikat, interview termasuk online meeting.

- Pada tahun lalu, Najib turut menerima Award Orang Muda Johor daripada Tuanku Mahkota Johor (TMJ) atas usaha beliau membantu ramai peniaga & anak Muda di Johor.
- Antara anugerah lain yang diperolehi Najib sebelum ini :
 - The 100 Most Influential Young Entrepreneurs pada tahun 2017
 - The Best Social Media Trainer Award 2018 daripada Majalah Nona.

PESAN INAJIB

Beberapa pesanan untuk usahawan atau bakal usahawan tentang bagaimana boleh mempercepatkan proses kejayaan mereka dalam perniagaan yang dijalankan.

PERTAMA, beliau menyeru setiap usahawan supaya sentiasa menaik taraf cara mereka berfikir dan memastikan mereka berfikir mengikut tujuan mereka yang sebenar.

"Sebagai contoh, kalau nak dapat RM1 juta pertama, tak bolehlah kita berfikir dengan cara nak dapat RM10 atau RM100. Sama juga kalau nak ambil SPM, tak bolehlah berfikir cara nak jawab soalan UPSR. Kita kena berfikir sesuai dengan matlamat kita," jelasnya.

KEDUA, beliau menasihatkan agar berhenti mendengar kata-kata negatif dalam diri dan jangan takut untuk melabur bagi mendapatkan mentor dan ilmu. 'WAJIB!'

Kata-kata negatif hanya melemahkan, manakala guru dan ilmu mempercepatkan proses kejayaan.

KETIGA, beliau menggesa supaya buang sikap 'saya tak bersedia lagi'.

Sikap sedemikian hanya akan melambatkan proses menggapai impian dan mengejar kejayaan.

KEEMPAT, Najib menyeru supaya apa juga yang dilakukan oleh seseorang usahawan itu, ia perlulah dibuat secara beradab agar perniagaan yang dijalankan dihormati oleh pelanggan dan diberkati oleh Allah SWT. ●



Business Evaluation Session Transformation

best

TARIKH: SETIAP SELASA & SABTU • MASA: 10 PAGI - 12 TENGAH HARI • YURAN: ~~RM2000~~ PERCUMA

Nilai Realiti Bisnes Anda Ketika Ini!

SESI KHAS KONSULTASI

Business Evaluation Session & Transformation
(BEST) untuk anda yang komited dan nak
metamorfosis bisnes ke tahap lebih baik pada 2022.

HADIR DI RICHO atau ONLINE


No. 77, Jalan Badminton 13/29,
Seksyen 13, 40100 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

Info lanjut: +60192442244



richworks.com/bmb/best

KENAPA PENTINGNYA PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN?



SIAPA pernah hadir dalam pendidikan keusahawanan sama ada di institusi pengajian tinggi mahupun seminar dan permentoran? Mengapa anda berminat dan sanggup meluangkan masa untuk menyertainya?

Pastinya ada sesuatu yang mahu dicapai!

Nak membina bisnes yang berjaya, nak cari jalan bagaimana boleh tingkatkan lagi jualan, besarkan lagi team, pengurusan bisnes & kewangan yang betul, pengoperasian yang teratur dan bermacam-macam lagi.

Namun, bila usahawan itu telah terdedah lebih awal dengan mempelajari ilmu keusahawanan lebih awal membuatkan mereka sudah ada kemahiran penting berkaitan bisnes.

Namun, pembelajaran di institusi pengajian tinggi dilihat tidak cukup berikutan perubahan tabiat manusia yang berubah di samping perkembangan teknologi yang pantas.

Sehubungan itu, perlu ada latihan dan bimbingan yang berterusan daripada agensi kerajaan berkaitan dan syarikat swasta termasuk mentor yang dapat bimbing bangsa usahawan itu sendiri. Soal kepimpinan dan pengurusan, komunikasi, penulisan, penyelidikan serta menyelesaikan masalah bukan boleh diperolehi secara teori saja.

Terdahulu, aktiviti keusahawanan sudah lama diakui

sebagai pemangkin kepada pembangunan ekonomi di samping bertindak sebagai penggerak utama dalam meningkatkan tahap inovasi, kreativiti dan daya saing sesebuah negara.

Dalam konteks Malaysia, aspek pembangunan keusahawanan, terutamanya di kalangan masyarakat Bumiputera telah diberikan perhatian yang serius bermula dengan pengenalan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1971.

Melalui dasar ini pembangunan keusahawanan di kalangan masyarakat bumiputera telah dijadikan sebagai agenda penting negara dalam usaha untuk membangunkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB), yang telah dikenal pasti sebagai pendekatan utama untuk menyusun semula masyarakat dan dalam memastikan penyertaan Bumiputera yang lebih aktif dalam pembangunan ekonomi negara.

Pendidikan keusahawanan sentiasa berubah pantas berdasarkan situasi semasa seperti ekonomi global, wabak, dan peperangan. Begitu juga dengan pendidikan perniagaan yang perlu sentiasa relevan dengan kehendak semasa.

Tahukah anda, hari ini pendidikan keusahawanan telah didedahkan kepada kanak-kanak?

Berdasarkan penyelidikan di India dan Israel, sekolah kini menggabungkan kursus baharu untuk pelajar muda.

PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN KANAK-KANAK

Pengasas Leader To Creator Entrepreneurship untuk kanak-kanak, Pradeep Mishra memulakan program ini di sekolah-sekolah di India.

Kanak-kanak diajar tentang perniagaan dan ekonomi pada usia yang sangat muda. Pelajar didedahkan kepada persekitaran ekonomi terkawal untuk hasil pembelajaran yang lebih baik.

PENGAJIAN TINGGI

Sementara itu, di peringkat pengajian tinggi di United Kingdom membezakan antara aspek kreativiti dan inovasi, yang dilihat sebagai pelopor kepada pembangunan usaha niaga baharu.

Selain itu, pada tahun 2015 Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) bekerjasama dengan Suruhanjaya Eropah untuk menghasilkan panduan bagi pembangunan kemahiran dan kecekapan untuk keusahawanan.

Apa kepentingan pendidikan keusahawanan ini? Pendidikan keusahawanan bertujuan untuk menyediakan pelajar dengan pengetahuan, kemahiran dan motivasi untuk menggalakkan kejayaan keusahawanan.

Pendidikan keusahawanan memberi tumpuan kepada pembangunan kemahiran yang membolehkan merealisasikan peluang yang lebih besar dalam bidang perniagaan yang serba mencabar kini.

SOSIOEKONOMI BERJAYA

Pendidikan keusahawanan adalah penting bagi mencapai sosioekonomi yang berjaya serta pembangunan yang mampan kerana keusahawanan adalah gabungan tindakan, inisiatif, ketekunan, komitmen, organisasi, dan usaha kreatif dalam melaksanakan aktiviti yang produktif.

Pendidikan usahawan tidak terhad dalam pendidikan formal seperti di sekolah dan institusi pengajian tinggi sahaja.

Terdapat organisasi tertentu sama ada kerajaan atau swasta turut menawarkan pendidikan keusahawanan.

‘PELANGGAN’ KEPADA PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN ADALAH MASYARAKAT.

Namun, masa depan pendidikan keusahawanan berkait dengan relevan atau kesesuaian, konsistensi diri, kegunaan, keberkesan dan kecekapan kursus dan program keusahawanan di pelbagai peringkat pendidikan serta latihan.

‘Pelanggan’ kepada pendidikan keusahawanan adalah masyarakat.

Ini bermakna pembelajaran keusahawanan dan hasil keusahawanan perlu memenuhi keperluan sosial dan ekonomi semua pihak yang terlibat seperti pelajar, keluarga, organisasi dan negara.

Dalam pada itu, pendidikan keusahawanan bukan perniagaan seperti biasa lagi. Faktor luaran yang mempengaruhinya telah meningkat dengan ketara dalam tempoh dua tahun yang lalu dan akan membawa kepada transformasi.

Antara faktor mempengaruhi pendidikan keusahawanan di semua institusi dan organisasi adalah masyarakat yang akan mencabar tujuan pendidikan perniagaan, trend industri yang akan mengubah cara ia diajar dan teknologi membuka jalan baharu.

Kesimpulannya, pendidikan keusahawanan perlu didedahkan di semua peringkat bermula daripada kanak-kanak lagi. Ini dapat mempersiapkan seseorang itu dengan mentaliti usahawan lebih awal.

Apatah lagi bila mana usahawan itu sendiri sudah berada pada tahap *growing* ataupun *expansion*. Ilmu keusahawanan sangat penting bagi mereka dapat berkembang lagi untuk pergi ke *next level*.

Dan melalui Mentor, bangsa usahawan mampu pergi lebih pantas bila ada orang yang dapat beritunjuk ajar umpama aplikasi Waze atau Google Map membawa anda tiba ke destinasi yang dituju. InsyaAllah. 

E-MAGAZINE
UNTUK
BANGSA
USAHAWAN

RICHWORKS™
THE TITAN

PENAFIAN : NASIHAT YANG DIBERIKAN DALAM MAJALAH INI MERUPAKAN NASIHAT SECARA AM. IA DISEDIAKAN TANPA MENGAMBIL KIRA OBJKTIF, SITUASI KEWANGAN ATAU KEPERLUAN ANDA. SEBELUM MELAKUKAN TINDAKAN, ANDA PERLU MENILAI KESESUAIAN NASIHAT DIBERIKAN MENGIKUT SITUASI & KEPERLUAN MASING-MASING.